

Headline	Chong Wei mampu raih emas Olimpik		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	29 Oct 2015	Readership	837,000
Circulation	279,000	Page No	54
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	177 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 7,767		



## Chong Wei mampu raih emas Olimpik

**PEMAIN** veteran Korea Selatan, Lee Hyun Il percaya kemampuan pemain badminton negara Datuk Lee Chong Wei untuk meraih pingat emas Sukan Olimpik 2016 di Rio.

Keyakinan Hyun Il itu berdasarkan kebangkitan dipamerkan Chong Wei selepas merangkul gelaran Siri Super Terbuka Perancis Ahad lalu.

Hyun Il berkata, walaupun usia Chong Wei mencecah 33 tahun namun itu bukan penghalang untuk bekas pemain nombor satu dunia berkenaan memenangi pingat emas di temasya tersebut.

"Saya yakin Chong Wei mampu menang emas di Rio, umur bukan penghalang untuk dia," katanya ketika ditemui pada Majlis Memorandum Persefahaman (MoU) antara Muar City BC dengan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad di Hotel

Boulevard, semalam.

Ketika ditanya kemampuan Chong Wei untuk mengatasi jaguh China, Chen Long yang dilihat menjadi penghalangnya dalam memburu emas di Olimpik, pemenang pingat emas Sukan Asia 2002 itu menganggap peluang seimbang antara kedua-dua pemain itu jika bertembung.

Dalam perkembangan lain, Hyun Il yang bakal beraksi bersama Muar City BC dalam saingan Kopiko Purple League (KPL) musim kedua bulan depan berharap kehadirannya dapat membantu kelab itu mempertahankan kejuaraan.

"Kalau boleh saya mahu membantu pasukan saya menuju KPL buat kali kedua dan saya juga yakin sasaran kelab untuk berada sekurang-kurangnya di kedudukan ketiga liga mampu tercapai," katanya.



Hyun Il (tiga, kanan) bersama pemain Muar City selepas majlis, semalam.